


IMBASAN FDG PET/CT PANDUAN





Pesakit Diabetes

1. Mula berpuasa pada **tengah malam (12 AM)**; hanya dibenarkan minum air kosong semasa tempoh berpuasa.
2. Jangan ambil sebarang ubatan diabetes sepanjang tempoh berpuasa.
3. Bawa bersama ubat diabetes anda semasa menghadiri janji temu.
4. Elakkan makanan manis dankekalkan diet rendah karbohidrat sehari sebelum janji temu anda.
5. Pastikan paras glukosa anda di bawah **10 mmol/L**.

Pesakit Bukan Diabetes

Sila berpuasa selama **5 jam** sebelum waktu janji temu anda. Anda hanya boleh minum air kosong semasa tempoh berpuasa.

Arahan Am untuk Semua Pesakit



Bawa bersama CD/filem PET/CT, MRI, imbasan CT dan laporan dahulu termasuk ujian darah, serta laporan biopsi jika ia dilakukan di hospital lain.



Berhenti mengambil ubat steroid (seperti Prednisolone, Hydrocortisone, Dexamethasone) sehari sebelum melakukan imbasan.



Sila maklumkan kepada kami jika anda mempunyai prosedur lain (seperti ujian darah atau imbasan lain) yang dijadualkan pada hari yang sama.




Prosedur akan mengambil masa sekurangnya 3 jam. Kelewatan mungkin berlaku disebabkan isu bekalan ubat yang tidak dijangka.

Sila Ambil Perhatian



Ubat FDG dihasilkan dan dibekalkan setiap hari. Sebarang kelewatan penghantaran mungkin menjelaskan jadual imbasan.



Jika ubat FDG tidak tersedia, kakitangan kami akan menjadualkan semula janji temu anda.

Sebelum Imbasan



Anda akan menerima 1 dos kecil gula radioaktif (FDG) melalui suntikan.



Rehat selama 45-60 minit bagi membolehkan FDG meresap ke seluruh badan.



Terkadang, anda mungkin menerima ubat lain untuk meningkatkan kualiti imej dan hasil imbasan.

Semasa Imbasan



Selepas tempoh berehat, anda akan dibawa ke bilik imbasan.

Nota: Bergantung pada keadaan anda, anda perlu mengulang imbasan pada kawasan tertentu yang mungkin mengambil masa tambahan selama 10-20 minit.



Anda dinasihatkan untuk mengosongkan pundi kencing sebelum imbasan.



Imbasan biasanya mengambil masa selama 20-30 minit bergantung kepada ketinggian dan kawasan badan yang diimbaskan.

Selepas Imbasan




Selepas imbasan selesai, anda boleh kembali ke bilik menunggu untuk bersantap.




Minumlah air secukupnya dan kerap kosongkan pundi kencing untuk membuang sisa FDG di dalam badan anda.



Ibu yang menyusukan bayi perlu menunggu selama **24 jam** sebelum meneruskan semula penyusuan badan.



Kekalkan jarak **2 meter** dari wanita hamil dan kanak-kanak berumur bawah 12 tahun selama 8 jam selepas imbasan.



Jika anda mengalami gejala seperti hidung tersumbat, gatal mata, ruam, bersin, gegaran, sakit, loya, atau pening, laporkan kepada kakitangan dengan segera.



Jika gejala berlaku selepas anda meninggalkan hospital, sila hubungi doktor anda atau pergi ke hospital terdekat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:



+603-7494 1017



+603-7491 1483



smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat	8.30am - 5.30pm
Sabtu	8.30am - 12.30pm
Tutup pada Ahad dan Cuti Umum	